Dato' Mahmood bin Osman Merican lwn Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — SAMAN PEMULA NO D6-24-173-1992
ABDUL AZIZ H
6 FEBRUARI 1993

Kontrak *— Perjanjian — Jual beli saham — Kontrak bergantung atau kontrak kontinjen — Sama ada kelulusan CIC diperlukan — Sama ada kontrak sah*

Kontrak *— Perjanjian — Jual beli saham — Sama ada kebenaran betulis Menteri Kewangan diperlukan — Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Johor 1968 s 19(1)(c)*

Syarikat dan Korporasi *— Kegagalan mendaftar saham — Pentafsiran syarat CIC — Sama ada kelulusan CIC diperlukan untuk penjualan saham PUPH — Sama ada plaintiff disifatkan mempunyai kepentingan dalam HPB — Sama ada secara implikasi tegahan kena ke atas plaintif — Akta Perindustrian Sekuriti 1983 ss 4(3)(c) & 6(2)(b)*

Dalam suatu perjajian bertulis, plaintiff bersetuju menjual kepada defendan 3,700,000 saham yang dimilikinya, iaitu 56.06% dari jumlah 6 juta saham terbit dan terbayar dalam syarikat Paka-Ubat (Pantai Holdings) Sdn Bhd ('PUPH'). Plaintiff telah menyerahkan kepada defendan 3,432,000 sijil saham itu, dan atas persetujuan defendan, plaintif dilepaskan dari tanggungan menyerahkan baki 268,000 saham. Defendan telah membayar RM9,990,000 kepada plaintif, tetapi gagal untuk mendapatkan saham-saham itu didaftarkan dalam namanya. Dalam saman pemula ini, plaintif memohon deklarasi bahawa perjanjian itu telah berakhir dan tidak boleh dikuatkuasakan, serta perintah supaya defendan memulangkan sijil-sijil dan borang-borang pindah milik saham-saham itu dan plaintif membayar balik wang defendan. PUPH memegang 7,700,000 saham, iaitu 40.53% daripada 19 juta saham terbit dan terbayar dalam syarikat Hospital Pantai Bhd ('HPB') yang tersenarai di papan kedua BSKL. Penyenaraiannya telah diluluskan oleh Jawatankuasa Terbitan Modal (Capital Issues Committee ('CIC')) dengan syarat pemegang-pemegang syer HPB dilarang menjual syer-syer itu dalam tempoh tiga tahun daripada tarikh penyenaraian syarikat HPB. Plaintif menegaskan bahawa syarat CIC menegah plaintif menjual saham-saham PUPH tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan CIC, dan menurut fasal 7 perjanjian mereka, defendanlah yang bertanggungan untuk memperolehi kelulusan itu. Menurut pendirian plaintif, perjanjian itu adalah kontrak bergantung ('contingent contract'). Oleh itu, tanpa kelulusan CIC, perjanjian itu menjadi tidak sah atau 'void.' Peguam bagi plaintif turut menghujahkan bahawa perjanjian itu tidak sah kerana melanggar peruntukan s 9(1)(c) Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Johor 1968 yang menyatakan perbadanan defendan tidak boleh membeli saham dan syer-syer dalam mana-mana syarikat awam atau persendirian tanpa terlebih dahulu mendapatkan kebenaran bertulis dari Menteri Kewangan, melainkan

beliau telah memberi arahan umum atau spesifik mengenai perkara itu.

Persoalan undang-undang yang dihujahkan dalam permohonan ini adalah:

(a) sama ada kelulusan CIC diperlukan bagi penjualan saham PUPH;
(b) sama ada syarat CIC terpakai bagi penjualan saham-saham PUPH lantaran PUPH memegang 40.53% saham-saham HPB; dan
(c) sama ada perjanjian tidak sah kerana pembelian saham-saham itu melanggar s 19(1)(c) Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Johor 1968 yang menubuhkan dan mengawal defendan.

Diputuskan, membenarkan permohonan itu:

(1) Syarat CIC itu tidak terpakai bagi penjualan saham-saham dalam kes ini. Syarat itu menegah atau menyekat penjualan saham-saham HPB oleh pemegang-pemegang saham HPB. Dalam kes ini, bukan saham HPB yang dijual, tetapi saham PUPH. Penjualnya bukanlah PUPH sebagai pemegang saham HPB, tetapi seorang pemegang saham PUPH.
(2) Pendirian plaintif tentang akibat ketiadaan kebenaran CIC ke atas fasal 7 perjanjian itu adalah tidak berjaya.
(3) Oleh kerana pembelian saham-saham itu tidak mendapat persetujuan bertulis Menteri Kewangan dan tidak juga diarahkan olehnya, maka pembelian saham-saham itu adalah ditegah oleh s 19(1)(c) Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Johor 1968. Defendan tidak mempunyai keupayaan untuk membeli saham-saham itu dan, oleh yang demikian, perjanjian itu adalah tidak sah.

[English summary

In a written agreement, the plaintiff agreed to sell to the defendants 3,700,000 of his shares comprising 56.06% of the total 6m issued and paid-up shares in Paka-Ubat (Pantai Holdings) Sdn Bhd ('PUPH'). The plaintiff handed over to the defendants 3,432,000 share certificates, and upon the defendants' agreement, the plaintiff was released of his liability to hand over the remaining 268,000 shares. The defendants paid RM9,990,000 to the plaintiff, but failed to have the shares registered under their name. In this originating summons, the plaintiff sought a declaration that the agreement had come to an end and was unenforceable, and an order for the return of the certificates and shares transfer forms by the defendants and the plaintiff will return the money to the defendants. PUPH held 7,700,000 shares, comprising 40.53% out of 19m issued and paid-up shares in Hospital Pantai Bhd ('HPB'), listed on the second board of the KLSE. The listing had been approved by the Capital Issues Committee ('CIC') on the condition that the HPB shareholders were prohibited from selling the shares within the period of three years from the date HPB was listed. The plaintiff averred that the CIC condition prohibits him from selling the shares without prior approval of the CIC, and accord-

A ing to cl 7 of their agreement, it was the defendants' responsibility to obtain such an approval. According to the plaintiff's contention, the contract was a contingent contract. Therefore, without the approval of the CIC, the agreement becomes invalid or void. Counsel for the plaintiff also argued that the agreement was invalid because it contravened s 9(1)(c) of the Johore State Development Corporation Enactment 1968 which states that the defendants could not buy stock and shares in any public or private companies without prior written approval from the Minister of Finance, unless the Minister had given a general or specific direction regarding the matter.

B

The questions of law argued in this application were:

C (a) whether CIC approval was required for the sale of PUPH shares;
(b) whether the CIC condition was applicable to the sale of PUPH shares since PUPH was holding 40.53% of the HPB shares; and
(c) whether the agreement was invalid because the sale of the shares contravened s 19(1)(c) of the Johore State Development Corporation Enactment 1968.

D

Held, allowing the application:

(1) The CIC condition was not applicable to the sale of shares in this case. The condition prevents or prohibits the sale of HPB shares by HPB shareholders. In this case, the shares put on sale were not

E HPB shares, but the share of PUPH. The vendor was not PUPH as HPB shareholders, but as shareholders in PUPH.

(2) The plaintiff's contention as regards the effect of the absence of CIC's approval on cl 7 of the agreement was not successful.

(3) Since the purchase of the shares was without the written consent

F and direction of the Minister of Finance, the purchase of the shares was prohibited by s 19(1)(c) of the Johore State Development Corporation Enactment 1968. The defendants did not have the capacity to purchase the shares and, therefore, the agreement was invalid.]

G **Undang-undang rujukan**

Akta Perindustrian Sekuriti 1983 (Akta 280) ss 4(3)(c), 6(2)(b)
Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Johor 1968 s 19(1)(c)

P Royan dan *Tan Hong Kheng* (*Shook Lin & Bok*) bagi pihak plaintif.

H *Wong Kim Fatt* (*Gulam & Wong*) bagi pihak defendan.

Abdul Aziz H: Melalui perjanjian bertulis bertarikh 30 Januari 1991, plaintif bersetuju menjual dan defendan bersetuju mebeli 3,700,000 saham dalam syarikat Paka-Ubat (Pantai Holdings) Sdn Bhd ('PUPH') dengan

I harga RM9,990,000 iaitu RM2.70 sesaham. 3,700,000 saham itu merupakan 56.06% daripada 6,600,000 saham terbit dan terbayar ('issued and paid-up shares') PUPH. Melalui surat yang sama tarikhnya, defendan bersetuju bahawa penyerahan 3,432,000 daripada jumlah saham itu akan melepaskan plaintif daripada tanggungan menyerahkan baki 268,000

saham. Kemudiannya, plaintif telah menyerahkan kepada defendan sijil-sijil bagi 3,432,000 saham itu dan defendan telah mebayar kepada plaintif RM9,990,000. A

Defendan gagal dalam usahanya untuk mendapat 3,432,000 saham itu didaftarkan dalam namanya. Bagi maksud penghakiman ini, tidak perlulah saya menyatakan fakta-fakta yang berkaitan dengan kegagalan itu.

Plaintif sekarang memohon deklarasi bahawa perjanjian itu telah berakhir atau luput atau tidak ada efek lagi dan tidak boleh dikuatkuasakan, serta perintah supaya defendan memulangkan kepada plaintif sijil-sijil dan borang-borang pindah milik bagi 3,432,000 saham itu dan plaintif mebayar balik kepada defendan RM9,990,000. B

Pada hari pertama perbicaraan pada 5 September 1992, berikutan satu bantahan permulaan oleh Encik Wong Kim Fatt, peguam bagi defendan, tentang bentuk tindakan dan relif yang dipohon, adalah ternyata bahawa kes ini melibatkan beberapa isu fakta yang tertentu dan satu isu undang-undang. Selain itu, mahkamah diberitahu bahawa defendan telah memfailkan writ di Mahkamah Tinggi Johor Baru pada 2 September 1992 untuk menuntut, antara lainnya, pelaksanaan spesifik perjanjian itu serta gantirugi. Sedikit perbincangan telah berbangkit tentang soal pelupusan kedua-dua kes yang mempunyai isu-isu yang sama itu. Pada kesudahannya, kedua-kedua pihak telah bersetuju bahawa, pada hari perbicaraan berikutnya, iaitu 2 Oktober 1992, mahkamah akan mendengar hujah tentang isu undang-undang itu, dan jika plaintif kalah isu itu, maka tuntutan plaintif akan ditolak, tetapi jika plaintif menang isu itu, defendan masih berhak didengar tentang isu-isu lain dan dalam hal yang demikian, cara perjalanan kes ini selanjutnya akan ditimbang dan ditentukan. C D E

Isu atau soal undang-undang itu ialah sama ada kelulusan Jawatankuasa Terbitan Modal ('CIC') diperlukan bagi penjualan saham PUPH itu.

Pada hari sambung perbicaraan pada 2 Oktober 1992, Encik P Royan, peguam bagi plaintif, telah mengemukakan hujahnya tentang soal undang-undang yang tersebut itu. Dengan persetujuan Encik Wong, beliau juga mengemukakan hujah tentang satu lagi soal undang-undang, iaitu sama ada perjanjian itu tidak sah oleh kerana pembelian saham-saham itu melanggar s 19(1)(c) Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Johor 1968. Apabila Encik Royan telah habis berhujah tentang soal sub-s (1)(c) itu, saya telah bertanya bagaimana penentuan soal itu akan menyentuh atau menjejaskan persetujuan sebelum itu tentang akibat keputusan mahkamah atas soal kelulusan CIC itu. Oleh kerana kedua-dua peguam tidak mencapai persetujuan, saya telah memutuskan bahawa saya masih akan membuat keputusan tentang dua soal undang-undang itu dahulu, dan selepas itu akan menjemput kedua-dua peguam berhujah semula tentang akibat keputusan itu. F G H

Fakta-fakta yang berkaitan dengan soal undang-undang yang pertama itu adalah seperti berikut.

PUPH memegang 7,700,000 saham dalam sebuah syarikat yang bernama Hospital Pantai Bhd ('HPB'), yang merupakan 40.53% daripada 19 juta saham terbit dan terbayar HPB yang disenarai dan diperniagakan di papan kedua Bursa Saham Kuala Lumpur. Penyenaraian itu telah diluluskan oleh CIC di bawah s 6(2)(b) Akta Perindustrian Sekuriti 1983, I

dan salah satu syarat kelulusan yang dikenakan di bawah peruntukan itu adalah seperti berikut:

> Pemegang-pemegang syer Pantai yang sediada dilarang menjual syer-syer tersebut bagi tempoh tiga (3) tahun dikira daripada tarikh syer-syer Pantai disenaraikan di papan kedua, BSKL. Selepas tempoh tiga (3) tahun tersebut, pemegang-pemegang syer Pantai yang sediada hanya boleh menjual 15% daripada jumlah pegangan mereka setiap tahun.

Perkataan-perkataan 'syer-syer tersebut' dalam syarat itu merujuk kepada saham-saham HPB yang diluluskan penyenarainnya itu.

Fasal 7 perjanjian 30 Januari 1991 itu memperuntukkan seperti berikut:

> Notwithstanding the completion of the sale and purchase of the sale shares hereunder the covenants warranties conditions and obligations contained in this agreement including but not limited to those set out under the second schedule hereto shall continue thereafter to subsist for so long as may be necessary to give full and valid effect to each and every of them in accordance with the terms thereof and the purchaser shall obtain the approvals of the Foreign Investment Committee and such other relevant authorities for the purchase of the sale shares and the vendor shall at the request of the purchaser promptly supply and cause the company to supply to the purchaser all information and documents that may be required for such purposes.

Bahagian yang material ialah kata-kata 'and the purchaser shall obtain the approvals of the Foreign Investment Committee and such other relevant authorities for the purchase of the sale shares'.

Plaintif menegaskan bahawa syarat CIC tersebut menegah plaintif menjualkan saham-saham PUPH itu, bahawa, oleh kerana itu, penjualan itu perlulah diluluskan oleh CIC, dan bahawa, menurut fasal 7 perjanjian itu, defendanlah yang bertanggungan memperolehi kelulusan itu. Kelulusan CIC telah tidak diperolehi. Dari sepucuk surat jawapan CIC bertarikh 19 Jun 1991 kepada penasihat korporat HPB, nampaknya pendirian CIC ialah bahawa penjualan saham itu akan, secara tidak langsung, menjadikan satu pihak ketiga, yang mana dalam kes ini ialah defendan, memiliki kepentingan PUPH sebanyak 40.53% dalam HPB, dan CIC tidak mahu keadaan itu berlaku.

Sebagaimana saya memahaminya, pendirian plaintif ialah bahawa, oleh kerana fasal 7 perjanjian itu memerlukan kelulusan CIC untuk jual-beli saham-saham PUPH itu, maka perjanjian itu adalah suatu kontrak bergantung atau 'contingent contract' dan bahawa, oleh kerana CIC tidak mungkin memberi kelulusannya, maka perjanjian itu menjadi tidak sah atau 'void' menurut s 33(b) Akta Kontrak 1950.

Maka masalahnya tertumpu kepada pentafsiran syarat CIC tersebut. Adakah syarat itu terpakai bagi penjualan saham-saham PUPH lantaran PUPH memegang 40.53% saham-saham HPB?

Jika syarat itu ditafsirkan secara tepat mengikut terma-terma zahirnya, jawapan saya ialah tidak. Syarat itu menegah atau menyekat penjualan saham-saham HPB oleh pemegang-pemegang saham HPB. Dalam kes ini, bukanlah saham-saham HPB yang dijual, tetapi saham-saham PUPH, dan penjualnya bukanlah PUPH sebagai pemegang saham HPB, tetapi seorang pemegang saham PUPH. Oleh kerana PUPH adalah suatu personaliti legal

yang tersendiri, seseorang pemegang saham PUPH, lantaran PUPH adalah salah satu pemegang saham HPB, tidaklah juga menjadi pemegang saham HPB.

Tetapi Encik Royan menegaskan bahawa rasional bagi syarat itu ialah untuk menjamin supaya komposisi pemunyaan saham-saham HPB tidak akan berubah selama tiga tahun dan bahawa, jika pemunyaan saham dalam PUPH berubah, struktur keempunyaan HPB akan juga berubah.

Encik Royan berkata bahawa rasional itu diiktirafkan oleh Akta Perindustrian Sekuriti 1983. Beliau bersandarkan kepada s 4(3)(c) yang berbunyi seperti berikut:

> (3) Seseorang hendaklah disifatkan mempunyai kepentingan dalam sekuriti jika suatu pertubuhan perbadanan ada mempunyai kepentingan dalam sekuriti dan —
>
> ...
>
> (c) orang itu, atau sekutu-sekutu orang itu ataupun orang itu dan sekutu-sekutunya adalah berhak menggunakan atau mengawal penggunaan tidak kurang daripada lima belas peratus daripada undi yang diberi pada syer-syer undian dalam pertubuhan perbadanan itu.

Seksyen 2(1) Akta itu mentakrifkan 'sekuriti' sebagai bererti, antara lainnya, syer dalam sesuatu syarikat awam.

Oleh kerana PUPH, suatu pertubuhan perbadanan, mempunyai kepentingan dalam sekuriti yang berupa 7,700,000 saham HPB, sebuah syarikat awam, dan oleh kerana plaintif memenuhi syarat perenggan (c) tentang perhubungannya dengan PUPH, maka, menurut sub-s (3)(c) itu, plaintif disifatkan mempunyai kepentingan dalam 7,700,000 saham HPB, walaupun dia tidak memegang mana-mana daripada saham-saham itu.

Pada anggapan saya, maksud sebenar dalihan Encik Royan tentang rasional syarat CIC itu ialah bahawa, memandang kepada dasar sub-s (3)(c) itu, CIC, dalam mengenakan syaratnya itu, bermaksud supaya ianya terpakai bukan sahaja untuk menegah atau menyekat pemegang-pemegang saham HPB daripada menjual saham-saham HPB, sebagaimana syarat itu jelas bermaksud pada zahirnya, tetapi juga, secara implikasinya, untuk menegah atau menyekat seseorang yang mempunyai kepentingan dalam saham-saham HPB — iaitu mempunyai kepentingan sebagaimana dimaksudkan oleh seksyen itu — daripada menjual kepentingannya.

Dengan hormatnya, saya tidak bersetuju. Saya ada dua sebab.

Pertama, kalaupun benar maksud CIC begitu, bahasa syarat yang dikenakan itu tidak berupaya diregang supaya sampai kepada maksud itu. Kata-kata yang digunakan tidak berupaya memberi fahaman sebagai mendokong juga implikasi yang disarankan itu.

Kedua, tidak ada sesuatu pun, sama ada dalam syarat itu atau selainnya, yang dapat menjustifikasikan sangkaan bahawa, dalam merumuskan syarat itu, CIC telah juga dipengaruhi dalam pemikirannya oleh seksyen itu. Malah sangkaan itu akan kelihatan tidak berasas apabila tujuan s 4(3) diwujudkan dalam Akta itu difahami.

Subseksyen (3) itu — malah keseluruhan s 4 — menentukan bilakah seseorang itu disifatkan mempunyai kepentingan dalam sekuriti. Ia dikanunkan untuk mentafsirkan peruntukan-peruntukan tertentu Akta itu yang mengandungi sebutan-sebutan tentang mempunyai kepentingan dalam

A sekuriti, dan yang mempunyai tujuan yang tidak berkaitan langsung dengan tujuan syarat CIC itu. Sebutan dalam Akta itu tentang seseorang yang mempunyai kepentingan dalam sekuriti terdapat kebanyakannya dalam bahagian V. Bahagian V adalah berkenaan dengan orang-orang yang bergiat dalam perniagaan sekuriti, seperti peniaga sekuriti, penasihat pelaburan, wartawan kewangan, yang sesetengahnya dikehendaki oleh bahagian IV supaya mempunyai lesen untuk menjalankan perniagaan mereka. Tujuan peruntukan-peruntukan bahagian V ialah supaya membolehkan pendaftar syarikat, yang juga adalah pihak berkuasa pelesenan, mengetahui, melalui penyelenggaraan suatu daftar oleh orang-orang itu, tentang sekuriti dalam mana mereka mempunyai kepentingan. Keperluan bagi maklumat seperti itu tidak syak lagi adalah berkaitan dengan soal etika atau disiplin orang-orang yang bergiat dalam perniagaan sekuriti yang turut mempunyai kepentingan dalam sekuriti. Satu lagi peruntukan yang diberi guna oleh s 4 ialah s 39, di mana sub-s (1)nya mewajibkan seseorang peniaga sekuriti, penasihat pelaburan, wakil peniaga atau wakil pelaburan yang menghantar pekeliling di mana dia membuat syor tentang sekuriti supaya menyatakan apa-apa kepentingan yang dipunyainya dalam sekuriti itu. Keperluan bagi pendedahan sedemikian tidak syak lagi adalah juga berkaitan dengan soal yang sama jenisnya. Tetapi di sebaliknya, tujuan syarat CIC itu ialah untuk mengekalkan pemegangan saham dalam syarikat-syarikat yang saham-sahamnya disenarai dan diperniagakan di Bursa Saham.

Oleh kerana tujuan syarat CIC itu tidak ada kaitan dengan tujuan s 4 diwujudkan, saya tidak nampak bagaimana boleh dikatakan bahawa CIC, dalam merumuskan syaratnya itu, telah memikirkan tentang seksyen itu. Kalau sungguh CIC telah memikirkan tentang seksyen itu, dan ingin menggunakan prinsip seksyen itu untuk syaratnya, tentulah syarat itu akan digubal supaya dengan khususnya meliputi juga kes mempunyai kepentingan dalam saham HPB dan memakai s 4(3) bagi menentukan bilakah seseorang itu boleh disifatkan mempunyai kepentingan dalam saham HPB.

Atas sebab-sebab itu, saya memutuskan bahawa syarat CIC itu tidak terpakai bagi penjualan saham-saham dalam kes ini dan bahawa, oleh yang demikian, pendirian plaintif tentang akibat di bawah fasal 7 perjanjian 30 Januari 1991 itu daripada ketiadaan kebenaran CIC bagi penjualan itu tidak berjaya.

Soal undang-undang yang kedua ialah sama ada perjanjian itu tidak sah oleh kerana pembelian saham-saham itu melanggar s 19(1) Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Johor 1968, yang mana adalah undang-undang yang menubuhkan dan mengawal perbadanan defendan. Setakat yang relevan, sub-s (1)(c) berkata seperti berikut:

> (1) The corporation shall not, without prior written consent of the Minister of Finance unless he gives a general or specific direction on the matter —
> ...
> (c) purchase ... any stock and shares in any public or private company ...

Adalah tidak dipertikaikan bahawa tidak terdapat kebenaran bertulis Menteri Kewangan untuk pembelian saham-saham itu oleh defendan. Maka soalnya ialah sama ada Menteri Kewangan telah memberi arahan umum atau spesifik tentang perkara itu.

Dalam perenggan 37 afidavit Dato' Mohd Ali bin Haji Hashim, ketua eksekutif perbadanan defendan, beliau berkata: 'Penglibatan pihak defendan dalam industri kesihatan dan perubatan bermula sejak ditubuhkan Hospital Pakar Johor dalam tahun 1974 dan dari tarikh itu pihak defendan telah dengan jayanya memperolehi syarikat di beberapa negeri dengan pengetahuan dan kelulusan menteri berkenaan yang dengan sendirinya memberi kesan dan erti bahawa suatu arahan am atau spesifik telah diberi kepada pihak defendan untuk memperolehi syer dalam syarikat awam atau persendirian berkaitan dengan industri perubatan dan penjagaan kesihatan'.

Defendan mendakwa bahawa oleh kerana pemerolehan syarikat-syarikat oleh defendan pada masa-masa lalu telah dibuat dengan 'pengetahuan dan kelulusan' Menteri Kewangan, maka Menteri Kewangan mestilah dianggap sebagai telah memberi arahan supaya defendan membeli saham-saham dalam syarikat-syarikat yang berkaitan dengan industri perubatan dan penjagaan kesihatan. Defendan bergantung kepada 'pengetahuan dan kelulusan' Menteri Kewangan tentang pembelian-pembelian yang lalu untuk mendakwa bahawa Menteri Kewangan telah memberi arahan seperti itu.

Apa yang s 19(1)(c) memerlukan ialah persetujuan atau arahan Menteri Kewangan. Persetujuan mestilah bertulis dan mestilah diperolehi terdahulu daripada pembelian saham. Dua perkara yang menjadi sandaran defendan bagi menunjukkan bahawa Menteri Kewangan telah memberi arahan ialah 'pengetahuan dan kelulusan' beliau tentang pembelian-pembelian yang lalu. Tetapi kelulusan (atau persetujuan) tidak boleh dibuat sandaran untuk menunjukkan arahan oleh kerana persetujuan dan arahan adalah berlainan sifatnya. Dari segi lojik, walau berapa kalipun kelulusan telah diberi bagi melakukan sesuatu perkara, pemberian kelulusan itu tidak mungkin bererti bahawa arahan adalah diberi supaya melakukan perkara itu pada masa hadapan. Implikasi yang mungkin dapat dihujahkan hanyalah bahawa kelulusan adalah diberi untuk melakukan perkara itu pada masa hadapan. Tetapi kelulusan itu, sekiranya wajar diimplikasikan, masih tidak memenuhi syarat sub-s (1)(c), yang memerlukan persetujuan bertulis. Maka, apa yang tinggal hanyalah pengetahuan Menteri Kewangan tentang pembelian-pembelian yang dahulu. Bolehkah Menteri Kewangan dikatakan telah memberi arahan untuk pembelian masa hadapan oleh kerana mengetahui tentang pembelian masa lalu? Jawapan saya ialah pasti tidak boleh. Sehabis banyak yang mungkin dapat dihujahkan ialah bahawa pengetahuan yang lalu itu membangkitkan implikasi persetujuan sekarang atau masa hadapan. Tetapi tentu sekali tidak boleh dikatakan bahawa pengetahuan itu membangkitkan implikasi adanya arahan sekarang oleh kerana arahan adalah sesuatu yang menyuruh seseorang melakukan sesuatu dan membawa beban tanggungjawab dan obligasi, dan oleh yang demikian, mestilah dibuat secara nyata atau khusus. Dari sifatnya sendiri, arahan tidak boleh diimplikasikan daripada sesuatu yang pasif, seperti pengetahuan, sebagaimana kelulusan mungkin boleh diimplikasikan. Seseorang itu mungkin boleh berkata, 'Oleh kerana dahulu kamu tahu dan tidak melarang perbuatan saya, saya sangka saya dibenarkan melakukannya lagi', tetapi dia tidak boleh berkata, 'Oleh kerana dahulu kamu tahu perbuatan saya, tetapi berdiam diri, saya sangka saya diarah melakukannya lagi'.

A Oleh kerana pembelian saham-saham itu tidak mendapat persetujuan bertulis Menteri Kewangan dan tidak juga diarahkan olehnya, maka pembelian saham-saham itu adalah ditegah oleh s 19(1)(c) Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Johor 1968.

Encik Wong berkata bahawa tidak terdapat apa-apa penalti kerana B melanggar s 19 dan bahawa seksyen itu adalah semata-mata untuk maksud-maksud pentadbiran dan kewangan. Oleh yang demikian, kegagalan mematuhi peruntukan itu tidak menjejaskan keupayaan defendan untuk membuat perjanjian itu.

Dengan hormatnya saya tidak bersetuju. Subseksyen (1) s 19 menegah perbadanan defendan daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang C dinyatakan di dalamnya tanpa mendapat persetujuan bertulis Menteri Kewangan terlebih dahulu atau jika Menteri Kewangan tidak memberi arahan untuk melakukannya. Tanpa kebenaran bertulis atau arahan Menteri Kewangan, defendan tidak dibenarkan oleh undang-undang untuk melakukannya, bererti ia tidak mempunyai keupayaan undang-undang untuk melakukannya. Jika ia melakukannya juga, apa yang ia cuba hendak laku- D kan itu akan melampaui keupayaan legalnya, iaitu adalah ultra vires, dan, kerana itu, adalah tidak sah.

Maka jawapan saya bagi soal undang-undang yang kedua itu ialah bahawa defendan tidak mempunyai keupayaan untuk membeli saham-saham itu dan, oleh yang demikian, perjanjian itu adalah tidak sah.

E Tentang soal yang telah saya sebutkan tadi mengenai persetujuan peguam kedua-dua pihak tentang akibat penentuan dua soal undang-undang itu, nampaknya bahawa, dengan penetuan soal kedua itu, plaintif adalah berhak kepada perisytiharan dan perintah-perintah yang dipohon. Tetapi biarlah saya mendengar dahulu apa kata kedua-dua peguam sebelum saya membuat perintah muktamad.

F

Permohonan dibenarkan.

Dilaporkan oleh Dr Mohaimin Ayus

G

H

I